

30 JUL 1996
Dialog-Kepimpinan
KEPIMPINAN MAHATHIR DIPUJI PADA DIALOG LANGKAWI

LANGKAWI, 30 Julai (Bernama) -- Para peserta Dialog Antarabangsa Langkawi di sini hari ini memuji Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana kepimpinan politiknya yang teguh dalam dunia yang menurut mereka semakin kekurangan ketokohan sedemikian.

Mereka berkata pemimpin politik yang mempunyai kualiti dan wawasan seperti Dr Mahathir jarang ditemui di negara-negara maju dan membangun, dan rekod prestasi Malaysia sendiri dalam membina negara boleh menjadi contoh kepada negara-negara lain.

Kepimpinan beliau disebut secara khusus oleh beberapa jurucakap 250 peserta yang terdiri daripada kebanyakannya pegawai kanan kerajaan dan tokoh-tokoh industri pada hari kedua dialog itu di Langkawi Berjaya Beach Resort.

Setiausaha Agung Club of Rome, kumpulan pemikir antarabangsa, Prof Bertrand Schneider berkata dunia kini kekurangan kepimpinan politik yang baik.

Katanya beliau tidak dapat memikirkan contoh yang lebih baik mengenai ciri-ciri kepimpinan politik yang teguh seperti yang terdapat pada Dr Mahathir dan kejayaan Malaysia menjadi bukti baginya.

"Di kebanyakan negara, apa yang kurang ialah bentuk kepimpinan sedemikian yang jelas kita boleh lihat di Malaysia dan kejayaan Malaysia hari ini ialah berpunca daripada kepimpinan Dr Mahathir," katanya.

"Itulah sebabnya keadaan di kebanyakan negara begitu buruk," katanya.

Bagi sesi dialog itu, para peserta ditempatkan di 25 meja bulat dalam kumpulan 10 orang. Jurucakap bagi setiap kumpulan mengemukakan pendapat kumpulan masing-masing mengenai isu pada agenda yang memberi tumpuan terhadap cara dan kaedah membentuk perkongsian bijak sebagai satu konsep baru dalam perniagaan.

Perkongsian bijak bermakna membentuk satu hubungan perniagaan untuk mencapai keadaan yang menguntungkan semua pihak.

Turut menyertai dialog itu ialah empat ketua kerajaan asing -- Presiden Ketumile Masire, Perdana Menteri Pertama Kemboja Putera Norodom Ranariddh. Dr Mahathir akan menutup dialog tiga hari itu esok.

Prof Henry Dzinotyiweyi dari Zimbabwe, yang bercakap mewakili kumpulannya berkata sebagai seorang yang datang dari rantau selatan Afrika, beliau amat arif mengenai apa maknanya kestabilan politik yang wujud daripada kekurangan kepimpinan politik yang teguh.

"Kami di Afrika tahu apa semuanya ini," katanya.

Darwis Daek, pengurus besar Tabung Pembangunan Industri Malaysia (MIDF) berkata anggota-anggota kumpulannya mencapai kata sepakat bahawa Dr Mahathir merupakan seorang pemimpin yang kuat, amat berpengetahuan dan seorang ketua yang tegas terhadap pegawai-pegawai kerajaan serta ahli perniagaan.

"Beliau merupakan ketua yang tegas terhadap orang lain tetapi beliau lebih tegas terhadap dirinya sendiri," katanya.

Dr Janet Morgan daripada Cable and Wireless Britain mengaitkan kejayaan Malaysia kepada pelaburannya yang besar dalam bidang pendidikan.

"Dua puluh tahun lepas pelaburan yang besar seperti itu dalam bidang pendidikan mungkin mengejutkan ramai tetapi hari ini ia membuahkan hasil," katanya.

Jurucakap lain dalam memperkatakan mengenai konsep perkongsian bijak menggesa kerajaan-kerajaan untuk menarik diri daripada bidang-bidang yang

mereka tidak cekap melaksanakannya.

Menurut mereka fungsi kerajaan yang utama ialah sebagai pelancar kerja dan semakin kurang campurtangan kerajaan adalah lebih baik bagi perkongsian bijak untuk berjaya. -- BERNAMA

AU RON